



جامعة
 UNIVERSITI
 TEKNOLOGI
 MARA

Institut
 Kualiti dan
 Pengembangan
 Ilmu

Majlis

HARI KEMUNCAK
BULAN INOVASI & KUALITI UiTM **2021**

Kualiti dan Inovasi Melestari Sinergi dan Kecemerlangan Universiti

11 November 2021

2:30 petang – 5:00 petang
Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin
UiTM Shah Alam

KANDUNGAN

MAJLIS HARI KEMUNCAK BULAN INOVASI DAN KUALITI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA 2021

BAHAGIAN 1

- Setinta Kata
- Secebis Bicara
- Seindah Kata
- Sekalung Kasih
- Seuntai Bicara

BAHAGIAN 2

- Aturcara Program
- Ikrar Kualiti

BAHAGIAN 3

- Finalis Anugerah Kecemerlangan Operasi
- Finalis Anugerah Kreatif dan Inovatif
- Finalis Anugerah Kualiti Naib Canselor

BAHAGIAN 4

- Ahli Jawatankuasa Induk
- Ahli Jawatankuasa Kecemerlangan Operasi
- Ahli Jawatankuasa Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)
- Ahli Jawatankuasa Anugerah Kualiti Naib Canselor (AKNC)
- Penghargaan dan Terima Kasih

BAHAGIAN 1

- Setinta Kata
- Secebis Bicara
- Seindah Kata
- Sekalung Kasih
- Seuntai Bicara



Setinta Kata

YBhg. Prof. Ts. Dr. Hajah Roziah Mohd Janor

Naib Canselor

Universiti Teknologi MARA

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana berkat rahmat dan izin-Nya, dapat kita hadir secara hibrid bersama-sama pada petang ini, dalam Majlis Hari Kemuncak Bulan Inovasi dan Kualiti UiTM 2021.

Jika tahun sebelum berlakunya Pandemik COVID19, Hari Kemuncak Bulan Inovasi dan Kualiti UiTM disambut dengan cukup meriah. Di mana Tuan Rumah yang dilantik akan gigih mengusahakan dalam memastikan Majlis Kemuncak ini adalah satu momento yang cukup indah bagi penutup acara untuk tahun berkenaan.

Majlis Kemuncak tersebut akan diisi dengan acara Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan juga Majlis Penyampaian Anugerah Kualiti Naib Canselor(AKNC). Jadi apabila munculnya COVID19, semua acara rasmi atau sebarang perhimpunan terpaksa dihentikan demi memastikan Prosidur Operasi Standard dipatuhi dan penularan wabak tersebut dapat diputuskan.

Bermula tahun 2020, kita telah melihat pelbagai pendekatan baharu yang menjadikan ianya satu norma baharu. Perjumpaan dilakukan secara maya atau dalam talian, mesyuarat dalam talian, minit mesyuarat dalam sistem, proses audit secara dalam talian, laporan dimuat-naik di dalam drive.

Pendek kata semua diberi pembaharuan, proses kerja dipermudahkan, tak perlu fizikal, tak perlu hardcopy boleh emel terus atau muat naik dalam drive. Siapa pernah menyangka benda-benda atau proses kerja yang dahulu kita rasakan perlu, kini ianya telah menjadi obsolete. Jabatan-jabatan Kerajaan terpaksa mengambil kira menyediakan perkhidmatan dalam talian atau wajib memberi maklumbalas pertanyaan pelanggan di dalam talian. Sememangnya semua ini dipanggil norma baharu.

Selain dari impak COVID19, UiTM secara umumnya juga terkesan dengan peruntukan kewangan yang semakin mengecut. Kita tidak lagi boleh berbelanja dengan mewah. Peruntukan dikurangkan dan setiap kita diminta mengamalkan Belanja Berhemah. Namun dari situ kita mendapat “*Blessing in Disguise*”. Apabila kita dalam serba kekurangan, warga UiTM mampu menjalankan tugas seperti biasa malahan bertambah baik kerana kita mampu menggunakan minda kita untuk mengilhamkan sesuatu yang lebih kreatif dan inovatif.

Menguruskan sesuatu yang tidak pasti adalah merupakan satu cabaran yang cukup hebat. Tetapi sekiranya kita mempunyai ilmu dan pengetahuan serta ketekalan dan keazaman yang kuat, kita mampu terus bergerak pantas menuju ke destinasi yang ingin kita capai. Jadi dengan itu, hari ini kita dapat melihat satu pembaharuan dalam pengurusan Majlis Hari Kemuncak Bulan Inovasi dan Kualiti UiTM 2021. Walaupun dengan kekangan kewangan, InQKA terus bangkit dan menguruskan Majlis Kemuncak untuk tahun 2021.

Tahniah diucapkan kepada InQKA, tahun ini mereka telah berjaya melaksanakan 140 aktiviti dengan penyertaan seramai 8,300 peserta dari seluruh sistem UiTM. Salah satu program InQKA yang dianjurkan juga iaitu Bengkel Hands-On Modul Penilaian Laporan AKNC yang dijalankan pada 14 September 2021 telah mencapai taraf “*World Class*” dari aspek Net Promoter Score iaitu 74. InQKA telah membuktikan dengan hasil kerja kuat mereka dan juga kerjasama dari semua PTJ, sistem pengurusan kualiti universiti dapat dimantapkan lagi dan dibawa ke tahap yang lebih tinggi dari sebelum ini.

Di InQKA terdapat unit Jaminan Kualiti Dalaman (IQA) yang menguruskan Swa Akreditasi Universiti dan juga pengiktirafan program akademik, unit Sistem Kualiti dan Kecemerlangan Operasi (SKKO) menguruskan pensijilan ISO universiti, memastikan seluruh PTJ UiTM mematuhi keperluan ISO dan COPIA serta aspek kecemerlangan operasi dalam memastikan penambahaikan proses kerja sentiasa dilaksanakan. Seterusnya unit Inovatif dan Kreatif telah berjaya menguruskan 5 konvensyen KIK peringkat zon bersama kampus cawangan dan fakulti serta Konvensyen KIK peringkat UiTM bersama UiTM Cawangan Johor, serta tak lupa juga Unit Pentadbiran, ICT dan AKNC dengan bantuan perunding AKNC serta penyelaras AKNC, penulis laporan dan juga panel penilai berjaya menguruskan AKNC dalam aspek pembangunan sistem yang telah banyak membantu PTJ dari aspek penulisan laporan, membantu panel penilai dari aspek penilaian laporan, dan kami panel juri ketika pembentangan dan juga penganugerahan. Semua ini adalah hasil kerja semua orang yang membudayakan Excellence, Synergy dan Integrity.

Hari ini InQKA melaksanakan sesuatu yang baharu dengan menggabungkan majlis penyampaian hadiah program utama InQKA iaitu Simposium Kecemerlangan Operasi (OE), Konvensyen KIK peringkat UiTM, dan juga Anugerah Kualiti. Tahniah di atas kejayaan pengajuran program ini.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



Secebis Bicara

YBhg. Prof. Datin Dr. Suzana Sulaiman

Penolong Naib Canselor

Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA)

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh & Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, saya amat bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan rahmat dan izin-Nya, Majlis Hari Kemuncak Bulan Inovasi dan Kualiti UiTM 2021 ini dapat direalisasikan pada hari ini. Pertamanya, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YBhg Prof. Teknologis Dr Hajah Roziah Mohd Janor, Naib Canselor UiTM kerana sudi meluangkan masa untuk bersama kita di petang ini walaupun kita semua ketahui bahawa YBhg Prof Naib Canselor sememangnya mempunyai jadual yang sangat padat.

Sememangnya Majlis Hari Kemuncak Bulan Inovasi dan Kualiti UiTM 2021 merupakan majlis yang dinanti-nantikan oleh seluruh warga UiTM. Masing-masing tertanya-tanya “Adakah Majlis ini akan dibuat secara fizikal di DATC ataupun dilakukan secara dalam talian?” Jawapannya sudah terjawab. Dalam kita mendepani wabak COVID-19, dahulunya kita berada di fasa pandemik dan kini kita sudah berada di fasa endemik, namun begitu kita perlu mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP), maka InQKA mengambil keputusan untuk adakan majlis ini secara hibrid untuk menjamin keselamatan semua pihak.

Untuk makluman para hadirin sekalian, hari ini merupakan Hari Kualiti Sedunia di mana pelbagai sambutan dilakukan di seluruh dunia. Tema Hari Kualiti Sedunia pada tahun ini adalah *Sustainability: Improving our product, people and planet*. Untuk itu, tema Hari Kualiti dan Inovasi UiTM 2021 ialah Kualiti dan Inovasi Melestarikan Sinergi dan Kecemerlangan Universiti. Tema Hari Kualiti Sedunia 2021 dan juga tema Hari Kualiti dan Inovasi UiTM 2021 mempunyai pemberat dan kebertanggungjawaban yang sama dalam memastikan budaya kualiti terus berkembang dan diamalkan.

Tahun 2021, InQKA telah mengatur pelbagai aktiviti yang berkaitan dengan kualiti, pematuhan standard, penghasilan kreativiti dan inovasi, penghasilan proses kecemerlangan operasi dan seterusnya pelaporan pembudayaan kualiti di peringkat PTJ. Untuk makluman para hadirin sekalian InQKA telah menjalankan hampir 140 aktiviti dengan penyertaan mencecah seramai 9,000 orang peserta. Tahniah dan syabas di atas komitmen tuan-tuan dan puan-puan terhadap kepentingan pengurusan kualiti universiti.

Yang Berbahagia Prof Naib Canselor dan para hadirin sekalian, InQKA bukanlah satu jabatan yang mempunyai tenaga kerja yang ramai. Kami hanya terdiri daripada 10 orang Pentadbir Akademik termasuk saya sendiri dan 16 orang staf pentadbiran yang menyokong aspirasi sebagai pemacu Pengurusan Kualiti Universiti. Tetapi InQKA sangat bersyukur dan berterima kasih kerana jentera-jentera seperti Ketua Unit Kualiti, Panel Penilai Program Akademik, Penyelaras KIK, Pakar Rujuk KIK, OE Trainers, Perunding i-AKNC dan Penyelaras AKNC yang banyak memberi sokongan untuk menjayakan perancangan dan aktiviti-aktiviti InQKA dalam usaha untuk memantapkan sistem Pengurusan Kualiti Universiti.

Pada petang ini, InQKA membuat sedikit kelainan dalam Majlis Hari Kemuncak Bulan Inovasi dan Kualiti UiTM 2021. Jika dahulunya ia dibuat secara fizikal, semua PTJ dapat hadir beramai-ramai bersama penyokong masing-masing dari seluruh pelusuk Malaysia untuk mendengarkan pengumuman nama pemenang, akan tetapi tahun 2021 ini para hadirin hanya berada di lokasi masing-masing dan hanya Pengurusan Eksekutif Universiti dan Ketua-ketua InQKA sahaja berkumpul di Foyer Aras 7 Canseleri ini. Besar harapan kami agar majlis seumpama ini dapat dilaksanakan secara bersemuka di masa akan datang.

Kebiasaan juga kita melihat penganugerahan penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Anugerah Kualiti Naib Canselor di dalam majlis ini, tetapi tahun ini ada kelainan di mana InQKA gabungkan penyampaian hadiah kepada pemenang Kecemerlangan Operasi, Konvensyen KIK UiTM dan Anugerah Kualiti Naib Canselor 2021. Dikesempatan ini juga, saya ingin menceritakan serba sedikit mengenai transformasi Anugerah Kualiti Naib Canselor. Kita semua sedia maklum tahun ini, pengoperasian AKNC telah berubah dari manual bergerak ke platform digital. Ini merupakan hasil curahan idea daripada Naib Canselor UiTM sendiri iaitu Yang Berbahagia Profesor Teknologis Dr Hajah Roziah Mohd Janor yang pada ketika itu memegang jawatan sebagai Penolong Naib Canselor InQKA.

Sememangnya pengurusan kualiti universiti sudah sebatи dengan Yang Berbahagia Naib Canselor. Ibarat roh yang tersemat rapi dalam jasadnya. Kami di InQKA adalah sebagai penterjemah kepada aspirasi beliau dalam memartabatkan UiTM ke persada lebih jauh dalam aspek pengurusan kualiti.

Akhir kata, sekali lagi saya ingin merakamkan penghargaan yang tinggi kepada YBhg Profesor Teknologis Dr. Hajah Roziah Mohd Janor, Naib Canselor UiTM kerana dapat bersama kita pada petang ini untuk meraikan pemenang Kecemerlangan Operasi, Konvensyen KIK UiTM dan Anugerah Kualiti Naib

Canselor.

Terima kasih diucapkan kepada pihak jawatankuasa InQKA, Pejabat Pembangunan Infrastruktur dan Infostruktur yang berusaha menyempurnakan majlis pada hari ini dan terima kasih kepada semua yang pihak terlibat dalam membantu gerak kerja kualiti di UiTM secara menyeluruh.

Sekian. Terima kasih.



Seindah Kata

Prof. Madya Ir. Ts. Dr. Nik Rosli Abdullah

Pengarah Sistem Kualiti Dan Kecemerlangan Operasi

Assalamualaikum dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, marilah sama-sama kita panjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan kemurahan dan kasih sayang-Nya, Simposium Kecemerlangan Operasi 2021 dapat dilaksanakan melalui saluran maya. Syabas dan tahniah kepada seluruh warga InQKA yang telah memberi kerjasama dan sokongan padu untuk menjayakan simposium yang berprestij ini. Objektif utama simposium adalah untuk memberi pengiktirafan kepada semua warga UiTM yang terlibat di dalam pelaksanaan dan pembudayaan kecemerlangan operasi di pusat tanggungjawab (PTJ) masing-masing. Selain itu, simposium juga memberi peluang kepada PTJ yang terpilih untuk berkongsi amalan terbaik mereka di dalam aktiviti penambahbaikan proses kerja masing-masing kepada seluruh warga universiti. Perkongsian ini mampu memberi suntikan semangat kepada PTJ yang lain untuk terus bergiat aktif di dalam aktiviti penambahbaikan proses kerja.

Semenjak diperkenalkan pada pertengahan tahun 2016, penambahbaikan proses kerja telah menyumbang kepada corak budaya kerja positif warga universiti yang memberi kesan terhadap peningkatan kepuasan hati pelanggan, penjimatan kos operasi, masa dan sumber tenaga. Dalam usaha universiti untuk mencapai hala tuju yang murni, sudah pasti perkara asas yang perlu diperhalusi dan ditambahbaik adalah proses kerja semasa. Justeru itu, simposium ini dijadikan sebagai landasan perkongsian idea dan pandangan dalam usaha untuk memperkasakan budaya penambahbaikan proses kerja di setiap peringkat. Isi kandungan daripada penceramah jemputan perlu difahami dan dikaji oleh semua pihak untuk dilaksanakan di setiap peringkat agar UiTM terus unggul di serata dunia.

Syabas diucapkan kepada semua warga universiti atas sokongan dan kerjasama

yang padu untuk sama-sama kita merealisasikan agenda ini. Dengan tiga (3) nilai teras universiti iaitu Kecemerlangan, Sinergi dan Integriti akan menyumbang kepada kejayaan perlaksanaan Kecemerlangan Operasi UiTM. Penglibatan dan sokongan padu daripada semua PTJ di dalam usaha membudayakan penambahbaikan proses kerja mampu menjadikan UiTM sebuah universiti berprestasi tinggi.

Akhir kata dari saya, kami warga InQKA berasa amat bertuah kerana diberi kepercayaan oleh pengurusan kanan universiti untuk mengendalikan Simposium Kecemerlangan Operasi 2021. Sekalung tahniah diucapkan kepada PTJ yang terpilih sebagai penerima anugerah dan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua PTJ yang telah berjaya membudayakan penambahbaikan proses kerja masing-masing. Semoga budaya ini terus berkekalan memberi impak positif kepada universiti dan seterusnya membantu mempercepatkan pencapaian hala tuju universiti iaitu Universiti Terkemuka Dunia 2025.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



Sekalung Kasih

Dr. Shatina Saad

Ketua Inovasi dan Kreativiti

Alhamdulillah setinggi-tinggi kesyukuran saya panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izinNYA, Konvensyen KIK UiTM 2021 dapat dianjurkan pada tahun ini berdasarkan norma baru iaitu secara dalam talian. Sebanyak 34 Kumpulan KIK telah mempertandingkan idea-idea baharu yang kreatif dan inovatif sebagai satu bukti komitmen amalan inovasi berterusan di Konvensyen KIK Peringkat Zon 2021. Zon yang terlibat adalah Zon Selatan (23-25 Ogos 2021) anjuran UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Zon Timur (1-2 September 2021) anjuran UiTM Cawangan Kelantan, Zon Tengah (6-8 September 2021) anjuran Fakulti Perubatan, Zon Sarawak/Sabah (13-15 September 2021) anjuran UiTM Cawangan Sarawak, dan Zon Utara (20-22 September 2021) anjuran UiTM Cawangan Kedah. Seterusnya, sebanyak 20 kumpulan telah berjaya ke peringkat akhir iaitu Konvensyen KIK UiTM 2021 yang telah di adakan pada 25-26 Oktober 2021 anjuran InQKA dan UiTM Cawangan Johor.

KIK bukan satu beban atau tambahan tugas. Ianya satu peluang kepada keluarga UiTM untuk mengilap kebolehan dan meningkatkan kompetensi diri kerana program KIK bukan sahaja menyediakan teknik-teknik untuk menyelesaikan masalah yang wujud dalam UiTM.

Ia juga merangkumi kaedah-kaedah yang membolehkan ahli-ahli KIK bertindak secara kreatif dan inovatif dalam menghasilkan sesuatu yang baru atau dalam bentuk yang baru melalui kemahiran imaginasi yang membawa kepada peningkatan sistem penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan.

Saya berharap keluarga UiTM perlu terus berpandangan jauh dengan melakukan pembaharuan dan penambahbaikan dalam apa sahaja tindakan. Jadikan 'minda mencipta' dengan mencari pendekatan baru atau memperkenalkan cara kerja baharu yang lebih cekap dan berkesan untuk menghasilkan kecemerlangan universiti.



Seuntai Bicara

Pn. Siti Norul'Ain Mohd Azizi

Ketua Sekretariat AKNC

Alhamdulillah tahun 2021 kita sekali lagi dapat meraikan Majlis Hari Kemuncak Bulan Kualiti dan Inovasi UiTM bersempena dengan Hari Kualiti Sedunia di dalam majlis yang penuh meriah. Biar pun sederhana ianya tetap dinanti-nantikan oleh semua warga universiti.

Mac 2020 merupakan titik permulaan perubahan norma kerja seluruh dunia. Pandemik COVID-19 telah meragut kebebasan kita bermasyarakat, bersosial dan hampir menuntut kita semua untuk terus terperangkap di dalam isolasi. Bekerja dari rumah, mesyuarat dalam talian, perjumpaan pirusual yang dahulunya merupakan terma-terma yang tidak pernah digunakan akhirnya terpaksa digunakan bermula tahun 2020.

Walaupun COVID-19 telah meragut kebebasan kita, Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA) tidak terus lumpuh. Malahan sebelum seluruh dunia terhenti seketika akibat COVID-19, idea bernas YBhg Profesor Ts. Dr Hajah Roziah Mohd Janor pada ketika itu Penolong Naib Canselor InQKA menginginkan pengurusan Anugerah Kualiti Naib Canselor perlu diterjemahkan dalam bentuk digital.

Bermula dengan pelantikan Perunding i-AKNC sehingga kepada pembentangan Akhir AKNC yang dibuat secara hibrid telah memperlihatkan satu pengalaman yang cukup bermakna. AKNC telah diberi nafas baharu. Laporan PTJ yang dahulunya disediakan secara fizikal kini boleh dilihat terus di dalam sistem. Kalau sebelum ini penilaian laporan memerlukan semua penilai dan ketua penilai berkampung di Institut Kepimpinan dan Pembangunan UiTM (ILD) hampir seminggu, kini dari lokasi masing-masing tanpa perlu menangguhkan kuliah, tinggalkan keluarga dan komitmen hakiki terabai, penilaian berjaya dilakukan di dalam sistem i-AKNC. Seterusnya Ketua Panel Juri dan Panel Juri yang dilantik dengan mudah memberi markah di dalam sistem i-AKNC selepas pembentangan dilakukan dan penetapan markah boleh dilakukan dalam masa

yang singkat kerana sistem i-AKNC secara automatik telah membuat kiraan markah. Semua ini satu pengalaman yang tidak pernah dijangka terlaksana.

Saya selaku Ketua Sekretariat AKNC, berharap fasa baharu AKNC ini akan terus digunakan untuk tahun-tahun seterusnya dengan melihat lebih banyak penambahbaikan dan pembaharuan dilakukan selari dengan keperluan universiti. Akhir kata, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak Pengurusan UiTM termasuk Pengurusan InQKA kerana terus mempercayai hasil kerja kumpulan sekretariat termasuk pembangunan sistem yang terus memberikan yang terbaik untuk semua.

Terima kasih.

BAHAGIAN 2

- Aturcara Program
- Ikrar Kualiti

Majlis

HARI KEMUNCAK
BULAN INOVASI & KUALITI UiTM **20
21**

Masa	ATURCARA
2.00 Petang	Ketibaan Pengurusan Kanan Universiti
2.30 Petang	Ketibaan Naib Canselor: YBhg. Profesor Ts. Dr. Roziah Mohd Janor Nyanyian Lagu Negaraku dan Wawasan Setia Warga UiTM Bacaan Doa
	Ucapan Alu-Aluan oleh: YBhg. Profesor Dr. Datin Suzana Sulaiman, Penolong Naib Canselor InQKA
	Ucapan Perasmian Majlis Hari Kemuncak oleh: YBhg. Profesor Ts. Dr. Roziah Mohd Janor, Naib Canselor UiTM Penyampaian Anugerah Kecemerlangan Operasi Penyampaian Anugerah Konvensyen KIK Penyampaian Anugerah Kualiti Naib Canselor Pengumuman Penganjur Bulan Inovasi 2022 Ikrar Kualiti
5.30 Petang	Majlis Bersurai



Ikrar Kualiti

Universiti Teknologi MARA 2021

Bahawa kami, staf Universiti Teknologi MARA dengan penuh kesedaran berikrar:

Akan berpegang teguh kepada **MISI**, **FALSAFAH** dan **OBJEKTIF** Universiti Teknologi MARA serta berusaha menzahirkan hasilan universiti berlandaskan prinsip-prinsip berikut:

- **SENTIASA** mengutamakan agama, bangsa dan negara dalam menjalankan tugas
- **BERPEGANG** teguh kepada iltizam bagi menghasilkan kerja yang berkualiti
- **MENJALANKAN** tugas dengan penuh tanggungjawab, amanah, disiplin dan berbudi bahasa
- **BERUSAHA** mengeluarkan lulusan yang holistik, berkaliber, berdikari, berilmu dan bertaqwa
- **MENGAMALKAN** sikap positif bagi melahirkan budaya kerja inovatif yang cemerlang

DAN

- **SENTIASA** berusaha memelihara serta meningkatkan imej Universiti Teknologi MARA

BAHAGIAN 3

- Finalis Kecemerlangan Operasi
- Finalis Konvensyen KIK
- Finalis Anugerah Kualiti Naib Canselor

Finalis

KONVENTSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) 2021

Bil.	Nama Kumpulan	Kampus
1.	ALCHEMISTZ	UiTM CAWANGAN JOHOR
2.	XEOMETRIA	UiTM CAWANGAN JOHOR
3.	CivGU Murni	UiTM CAWANGAN JOHOR
4.	POKOK PANGKAL KEK KAU	UiTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
5.	MIM UiTM PAHANG	UiTM CAWANGAN PAHANG
6.	IM-VATIVE	UiTM CAWANGAN KELANTAN
7.	I-DIMENSI	UiTM CAWANGAN KELANTAN
8.	VISION OF US	UiTM CAWANGAN SARAWAK
9.	CORONORMS	UiTM CAWANGAN SARAWAK
10.	INNO SQUAD	UiTM CAWANGAN SARAWAK
11.	EZYFSKM JESSELTON	UiTM CAWANGAN SABAH
12.	PETABYTE	UiTM CAWANGAN PULAU PINANG
13.	PA2U	UiTM CAWANGAN KEDAH
14.	AUXI TEAM	UiTM CAWANGAN PERAK
15.	AKAL	UiTM CAWANGAN PERLIS
16.	TWO S	UiTM CAWANGAN PERLIS
17.	I-TEAM	PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
18.	EPSILON	FAKULTI SAINS GUNAAN
19.	INVERSA	FAKULTI SAINS GUNAAN
20.	ENIGMA	FAKULTI SAINS GUNAAN

Finalis

KECEMERLANGAN OPERASI 2021

Bil.	Nama Proses Kerja
Senarai Proses Kerja Akademik	
1.	Sistem Elektronik Pengurusan Fail Kursus Pensyarah (E-COF) 2020 UiTM Cawangan Negeri Sembilan
2.	FPP- Proses Penilaian APEL C Fakulti Pengurusan Dan Perniagaan
3.	FBM - Student Internship Training Information System (FBM-STIS) Fakulti Pengurusan Dan Perniagaan
4.	Proses Pengendalian Fail Pengajaran Dan Fail Kursus Fakulti Perakaunan
5.	Prosedur Mencetak Slip Peperiksaan Akhir UiTM Cawangan Pulau Pinang
6.	Prosedur Pengendalian Dan Penilaian Latihan Industri (PK.UITM. FSG.(O).02) Fakulti Sains Gunaan
7.	E-Penilaian Akhir-Akkreditasi Profesional (EPA-AP) Fakulti Perakaunan
8.	E-PNP Fakulti Perakaunan
9.	Proses Penyediaan Fail Kursus Akademik UiTM Cawangan Johor
10.	Sistem Pra-Pendaftaran Kursus - Couplers UiTM Cawangan Terengganu
7.	Fakulti Kejuruteraan Awam
Senarai Proses Kerja Pentadbiran	
1.	FBM- Research, Innovation, Industry and Community Information System (RBM-RIIS) Fakulti Pengurusan Dan Perniagaan
2.	Pengurusan Bahan Repositori Institusi Universiti Perpustakaan Tun Abdul Razak
3.	Proses Penyediaan Senarai Daftar Bahan Kimia Berbahaya (Chemical Register) UiTM Cawangan Negeri Sembilan

4.	Penjanaan Surat Lantikan Secara Atas Talian UiTM Cawangan Perak
5.	Massive Open Online Courses (MOOCs) UiTM Library Perpustakaan Tun Abdul Razak
6.	Rekod Kemasukan Pelawat (RKP-14) Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam
7.	Pengurusan Statistik Perpustakaan UiTM Perpustakaan Tun Abdul Razak
8.	Proses Pengurusan Aktiviti/Bengkel- Smart E-Runner UiTM Cawangan Terengganu

Senarai Proses Kerja Kewangan

1.	Proses Cadangan Pembelian Buku Di Sistem Wils Perpustakaan Tun Abdul Razak
2.	Prosedur Pengurusan Perolehan (PK.UITM.FSG.(O).15) Fakulti Sains Gunaan

Finalis

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC) 2021

Bil.	PTJ
Senarai Finalis Mengikut Kampus	
1.	Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang
2.	Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka
3.	Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak
4.	Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu
Senarai Finalis Mengikut Fakulti	
1.	Fakulti Sains Gunaan
2.	Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur
3.	Fakulti Pengurusan Perniagaan
4.	Fakulti Pendidikan
5.	Fakulti Perakaunan
6.	Fakulti Perubatan
7.	Fakulti Kejuruteraan Awam
Senarai Finalis Mengikut Bahagian/Jabatan/Pusat/Unit	
1.	Perpustakaan Tun Abdul Razak
2.	Pejabat Pembangunan Infrastruktur dan Infostruktur
3.	Pejabat Pendaftar

BAHAGIAN 4

- Ahli Jawatankuasa
- Penghargaan dan Terima Kasih

AHLI JAWATANKUASA
MAJLIS HARI KEMUNCAK BULAN INOVASI DAN KUALITI UiTM 2021

Penaung	YBhg. Prof. Ts. Dr. Roziah Mohd Janor Naib Canselor
Penasihat	YBhg. Prof. Datin Dr. Suzana Sulaiman Penolong Naib Canselor, InQKA
Pengurus Acara	Puan Siti Norul'Ain Mohd Azizi
JK Promosi, Teknikal, Penyediaan Montaj dan Pengurusan Pentas	Puan Fauzilah Idris Encik Jasni Ghani Encik Mior Mohd Aizat Zakariah Puan Noor Sazila Md Sarip Pasukan Jabatan Komunikasi Korporat, UiTM Encik Mohd Adri Izzat Hamdan
JK Jemputan dan Protokol	Puan Siti Norul'Ain Mohd Azizi Puan Noor Azmah Zuber Puan Hairina Ahmad Bakri Puan Norhasnida Mohamad Puan Habibah Hamzah
Setiausaha	Puan Siti Norul'Ain Mohd Azizi
Kewangan	Cik Norazah Mohamed Aznan
JK Hadiah	Encik Mohd Izwan Said Puan Habibah Hamzah
JK Logistik dan Keselamatan	Encik Muhammad Taufiq Basrawi
JK Teks Ucapan	Puan Siti Norul'Ain Mohd Azizi
JK Penerbitan	Ts. Dr. Hayati Abd Rahman Puan Noor Sazila Md Sarip Encik Muhamad Zanjabil Mat Janum
Pengacara Majlis	Encik Zairul Mason Puan Noor Azmah Zuber
Pembaca Doa	Ustaz Mohd Azri Aripin
Jurugambar	Encik Muhamad Zanjabil Mat Janum

SEKALUNG PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH

Senarai Panel Penilai Kecemerlangan Operasi

1. Prof. Madya Ir. Ts. Dr. Nik Rosli Abdullah
Pengarah Sistem Kualiti dan Kecemerlangan Operasi
Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA)
2. Dr. Kamaruzzaman Muhammad
Pensyarah Kanan
Fakulti Perakaunan
UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam
3. Ts. Dr. Wan Aida Wan Yahaya
Ketua Pengiktirafan Akademik
Unit Hal Ehwal Kurikulum
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
4. Dr. Wan Ismahanini binti Ismail
Timbalan Pendaftar Kanan
Pejabat Naib Canselor
5. Encik Darus Kasim
Pereka Grafik Kanan
Jabatan Komunikasi
6. Encik Hadzli Ishak
Pensyarah Kanan
UiTM Cawangan Kedah
7. Prof. Madya Ts. Dr. Norhafizah Abdul Rahman
Pensyarah Kanan
UiTM Cawangan Perak
8. Ts. Mohd Norafizal Abd. Aziz
Ketua Sistem Audit Korporat UiTM/
Pensyarah Kanan
UiTM Cawangan Pahang
9. Puan Aznur Umiza Abu Kasim @ Abu Kassim
Timbalan Pustakawan
Perpustakaan Tun Abdul Razak
10. Prof. Madya Ts. Dr. –Ing Shahrul Azam Abdullah
Ketua Sistem Kualiti dan Kecemerlangan Operasi
Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA)

Senarai Panel Juri Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Peringkat UiTM 2021

Inovasi Pengurusan

1. Tuan Haji Mohd Hussaini Morid (Ketua Panel Juri), QMR Consultant
2. Encik Asmawadi Mohamed, Malaysia Productivity Corporation (MPC)

Inovasi Pengajaran dan Pembelajaran & Sosial

1. Encik Mohd Ehsan Bin Amin, QKM Consults Sdn. Bhd
2. Puan Mazzleza Ab. Wahab, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

Temubual Fasilitator

1. Ustaz Husaini Ab. Razak, Pusat Islam Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan
2. Ts. Suhaihisam Mohd Saufi, Pejabat Pembangunan, Infrastruktur dan Infostruktur Universiti Teknologi MARA Shah Alam

Senarai Panel Hakim Pembentangan Akhir AKNC 2021

1. YBhg. Prof. Ts. Dr. Roziah Mohd Janor, Naib Canselor UiTM
2. YBhg. Prof. Dr. Mohd Sazili Shahibi, Timbalan Naib Canselor (HEP)
3. YBhg. Prof. Dr. Zaini Abdullah, Penolong Naib Canselor (Kolej Pengajian Kreatif)
4. YBhg. Prof. Dato' Dr. Abu Bakar Abdul Majeed, Pengarah Research Management Centre (RMC)
5. YBhg. Prof. Dr. Azni Zain Ahmed, Resident Reviewers, Department of Rangking, UiTM Global

Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA)
Aras 5, Kompleks Al-Farabi,
Universiti Teknologi MARA (UiTM)
40450, Shah Alam, Selangor
Tel: +603 5543 5702 Fax: +603 5543 5721
 @inqkauitm